

## BAB 2

### IMEJ DIRI WANITA DALAM MASYARAKAT MELAYU

#### Pendahuluan

Imej diri mempunyai aspek luaran dan dalaman. Imej diri unggul wanita merupakan sesuatu yang diingini dan tidak dapat lari daripada konsep kecantikan. Lantaran itu, imej diri dilihat bersifat relatif. Orang Melayu mempunyai konsepnya sendiri tentang cantik. Konsep cantik yang dilihat dalam pemikiran orang Melayu sekaligus menggambarkan budaya orang Melayu itu sendiri. Ini memandangkan cara berfikir sesebuah masyarakat adalah mematuhi proses dan organisasi budaya yang unik bagi masyarakat itu, sebagai suatu konvensyen yang dipunyai bersama oleh anggota masyarakat secara kolektif.

Apa yang tercenna dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisional tentang sifat asas yang ada atau patut ada pada setiap wanita tergaris jelas dalam karya-karya kesusastraannya, khususnya melalui pantun dan ungkapan-ungkapan tradisional Melayu. Menelusuri pemikiran masyarakat Melayu dalam konteks penampilan fizikal mereka, pengkaji cuba meneliti

imej-imej tersebut berdasarkan kepada pantun dan ungkapan Melayu di samping pandangan Islam.

Masyarakat Melayu tradisional telah memberi nilai-nilai berdasarkan kepada *world-view* mereka tentang keindahan dan kecantikan yang diwarisi secara tradisi daripada satu generasi kepada satu generasi. Penghayatan terhadap keindahan dan kecantikan merupakan sesuatu yang relatif antara satu budaya dengan budaya yang lain, bergantung kepada nilai-nilai yang dipupuk kepada anggota-anggota masyarakat. Bagi masyarakat Melayu, imej diri wanita yang unggul dipancarkan melalui kecantikan fizikal yang dinilai dari hujung rambut hingga ke hujung kaki.

Pantun dan ungkapan sebagai hasil kesusastraan lisan memaparkan keseluruhan aspek kehidupan masyarakat Melayu. Dalam erti kata lain, kedua-dua bentuk hasil kesusastraan ini adalah representasi manusia Melayu sama ada dari sudut pemikiran, emosi atau sentimen yang diserlahkan. Lantaran itu, ia dapat mengungkapkan jiwa dan pengalaman masyarakat yang mendokongnya. Dan dalam hal ini pantun dan ungkapan dilihat sebagai satu genre kesusastraan Melayu tradisional yang tidak ketinggalan melakar gambaran tentang wanita, khususnya aspek penampilan serta kecantikan diri dalam kerangka pemikiran masyarakat Melayu lama.

Selain itu, menurut Hassan Kassim seorang 'Creative Consultant' dari Infobase Creation Sdn. Bhd.,

Kecantikan seseorang wanita itu merangkumi pelbagai aspek, antaranya tingkah laku, perbuatan, cara berjalan, cara bercakap, gerak langkah dan pelbagai aspek, ianya tidak hanya bergantung kepada aspek luaran semata-mata seperti alat solek, pakaian berjenama mahal dan sebagainya.

( Mingguan Wanita, 30 Ogos-5 Sept. 2002 : 59 )

### **Imej Diri Wanita dalam Pantun dan Ungkapan Melayu**

#### **Imej Fizikal**

Imej diri unggul wanita secara jelas digambarkan dalam pantun-pantun Melayu. Misalannya, bentuk badan dilihat sebagai salah satu faktor dalam menilai kecantikan wanita. Tanggapan atau pandangan yang dikaitkan dengan susup badan adalah agak berbeza antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Kalau dalam masyarakat bangsa Arab, kaum lelakinya menilai wanita yang berbadan besar dan bertubuh gemuk sebagai cantik, dan bangsa-bangsa lain di dunia juga ada kriteria penilaian tersendiri, masyarakat Melayu juga sedemikian. Antara bentuk penilaian tersebut adalah seperti yang diungkapkan dalam pantun berikut;

Tuan belayar menyongsong arus  
Dapat bunga tiga sekaki  
Kalau tak dapat perempuan kurus  
Tidak puas rasanya hati  
( KKMS, 1990:223 )

Rumah kecil tiang ke laut  
Tempat Suriani menggesek biola  
Kecil molek bagai diraut  
Itu sebab hatiku gila  
( KKMS, 1990:371 )

Pantun ini dengan jelas memberikan nilai yang tinggi terhadap golongan wanita yang mempunyai bentuk badan yang kecil serta kurus. Bentuk badan yang kecil ini secara semulajadinya akan mempunyai pinggang yang ramping yang akan melengkapkan lagi penampilan diri seseorang wanita Melayu itu.

Rumah kecil tepi laut  
Tempat budak main biola  
Pinggang kecil bagai diraut  
Itulah tempat saya gila  
( KKMS, 1990:284 )

Gajah mina hitam di laut  
Tujuh hasta panjang gading  
Halus pinggangnya bagai diraut  
Susahkan cari bakal banding  
( KKMS, 1990:682 )

**'Pinggang kecil bagai diraut' dan 'halus pinggangnya bagai diraut'** adalah ukuran dan gambaran yang boleh ditanggapi kerana ia berdasarkan pengalaman orang Melayu sendiri. Orang Melayu tahu bagaimana rupa 'diraut' seperti buluh diraut, ia licin, putih dan halus. Susuk badan yang kecil serta pinggang yang ramping ini akan terserlah apabila mempunyai tubuh yang tinggi lampai.

Mengetam padi tengah hari  
Padi habis dimakan helang  
Pingganglah ramping tubuhnya tinggi  
Jiwalah abang berasa melayang  
( KKMS, 1990:493 )

Dalam masyarakat Melayu, bentuk betis juga dilihat dapat melengkapkan kecantikan golongan wanitanya. Bentuk betis yang sempurna diibaratkan seperti '**bunting padi**', iaitu batang padi yang akan mengeluarkan bunga, bentuknya besar dan padat.

Hendak mandi telaga mana  
Telaga darat Padang Kemunting  
Hendak berbini si muda mana  
Mulut birat betisnya bunting  
( KKMS, 1990:452 )

Selain itu, warna kulit juga menjadi salah satu ciri dalam melihat kecantikan ideal wanita Melayu. Terdapat dikotomi, iaitu sifat yang saling

berlawanan, dalam menentukan warna kulit ini. Putih atau putih kuning dan hitam manis merupakan antara yang mempunyai nilai kecantikan yang amat dikagumi memandangkan kebiasaannya warna kulit bagi orang Melayu adalah sawo matang.

Kapal Inggeris Kapten Jerman  
Teluk meneluk di Negeri Jawa  
Putih kuning merubah iman  
Hitam manis merubah nyawa  
( KKMS, 1990:693 )

Sungguh hitam si putik manggis  
Sirih kuning dalam tepak  
Sungguh hitam dipandang manis  
Putih kuning pengubat edah  
( KKMS, 1990:289 )

Kapal putih di tengah laut  
Kapal hitam terlerat laju  
Putih kuning mengirai rambut  
Hitam manis menjahit baju  
( KKMS, 1990:130 )

Kekaguman terhadap wanita yang berkulit putih atau putih kuning ini lebih diingini memandangkan ia memperlihatkan perbezaan yang ketara dengan sawo matang.

Pasir putih Pasir Linggi  
Tempat abang bermain bayang  
Adik putih mahligai hati  
Di situ tempat abang sayang

( KKMS, 1990:170 )

Sirih kuning junjung bergolek  
Padi rebah lapik tikar  
Putih kuning warnanya molek  
Seekor gajah abang tak tukar

( Dipetik drp. Normaizatulakmal, 1997:39 )

Tuntuk embin si padi pulut  
Dimakan orang di bulan puasa  
Putih kuning tunduk berlutut  
Bagai intan tembaga suasa

( KKMS, 1990:653 )

Namun begitu, terdapat juga ciri penilaian yang lain, iaitu pendapat bahawa warna kulit 'hitam manis' juga sebagai satu daya tarikan yang tersendiri.

Banyak ikan perkara ikan  
Ikan laut banyak lagi  
Banyak hitam perkara hitam  
Hitam manis menarik hati

( KKMS, 1990:42 )

Cik Lah orang Melaka  
Jual talam dengannya cukai  
Tujuh bilah lembing di dada  
Hitam manis kupegang juga

( KKMS, 1990:327 )

Lemak manis santan kelapa  
Buah berangan dalam padi  
Hitam manis anak siapa  
Rasa berkenan di dalam hati

( KKMS, 1990:351 )

Aspek terpenting dalam menilai kecantikan seseorang wanita adalah melalui kecantikan wajah mereka. Kecantikan wajah digambarkan melalui faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman memaparkan keserian dan kemanisan wajah yang lahir daripada hati yang tenang, suci dan bersih, akhirnya memperlihatkan kejernihan wajah seseorang wanita itu. Bagi masyarakat Melayu, kemanisan wajah ini amat diutamakan dan sering diungkapkan sebagai '**sejuk mata memandang.**' 'Sejuk' ini juga ditambah dengan senyuman yang menyempurnakan lagi keserian wajah seseorang wanita Melayu itu.

Burung merbuk burung merpati  
Terbang berpusing hala bendang  
Wajah elok menawan hati  
Siang malam hamba terkenang

( KKMS, 1990:68 )

Saya kenal buah rambutan  
Dalam seikat masak sebiji  
Manis benar wajahmu tuan  
Di dalam kampung payah dicari

( KKMS, 1990:633 )

Dari muara mudik ke hulu  
Sambil menyanyi mendayung sampan  
Belum bersuara tersenyum dulu  
Menambah seri wajah rupawan  
( KKMS, 1990:83 )

Kejernihan dan kemanisan wajah ini dilengkapkan lagi dengan bentuk fizikal muka seseorang wanita itu. Muka umumnya mempunyai bentuk bulat, bujur telur, bujur sirih dan sebagainya. Dalam konteks ini wajah berbentuk bujur dilihat ideal dalam masyarakat Melayu.

Sirih kuning ganggangnya jelujur  
Nak taruh bulan puasa  
Putih kuning mukanya bujur  
Nak taruh permainan mata  
( KKMS, 1990:541 )

Selain itu, kesemua anggota wajah, seperti dahi, hidung, kening, gigi dan sebagainya, juga mempunyai ukuran kecantikannya yang tersendiri berdasarkan kepada nilai masyarakat Melayu. Kesepaduan unsur kecantikan inilah yang menjadikan wajah sebagai ukuran utama dalam menilai kecantikan wanita. Masyarakat Melayu mahukan wanita yang mempunyai dahi yang licin daripada sebarang cacat cela dan masalah kulit.

Orang mengail di lubuk licin  
Dapat ikan berliak mata  
Sudah terpandang dahi licin  
Rasa nak putus urat mata

( KKMS, 1990:505 )

Di samping itu, kecantikan ideal yang ditanggapi oleh orang Melayu ialah apabila mempunyai hidung yang mancung, diumpamakan seperti 'seludang.' Bentuknya pula seperti 'kuntum melur belum kembang.'

Dari Tanjung ke Pulau Manis  
Dua tiga ke Pulau Payang  
Hidung mancung mulutnya manis  
Di situ tempat hatiku sayang

( KKMS, 1990:85 )

Kening pula mestilah lentik dan lembut. Lentik disamakan seperti berladung, iaitu bentuk kening yang 'terletak' atau seperti diukir, tidak terlalu tebal dan sebaliknya.

Aur lentik dijinak kijang  
Anak Jawa minum di mangkuk  
Keningnya lentik dadanya bidang  
Anak muda dipanah mabuk

( KKMS, 1990:408 )

Berjumpa gajah dua serupa  
Gajah kecil mati terkepung  
Banyaknya lebih daripada adinda  
Keningnya lentik bagai berladung

( KKMS, 1990:417 )

Nyiur manis pelelehnya lembut  
Pohon celagi berbatang-batang  
Hitam manis keningnya lembut  
Bertatah gigi dua tiga batang  
( KKMS, 1990:502 )

Disebut dengan jelas wanita yang cantik adalah wanita yang berambut panjang, ikal mayang dan bersanggul lintang serta berkulit hitam manis. Cantik juga merujuk kepada wanita yang mempunyai gigi putih berkilat.

Apa guna pakai pelita  
Kalau tidak bersumbu panjang  
Apa guna bermain mata  
Kalau tidak berambut panjang  
( KKMS, 1990:237 )

Limau manis dibawa bekal  
Jatuh sebiji dalam taman  
Hitam manis rambutnya ikal  
Siang malam jadi ingatan  
( KKMS, 1990:142 )

Dalam baruh mengkuang pandan  
Hendak menganyam di tengah laman  
Sedaplah sungguh mata memandang  
Rambut mengurai si ikal mayang  
( KKMS, 1990:439 )

Sireh kuning pinangnya kelat  
Dimakan orang di pagi hari  
Puteh kuning gigi berkilat  
Hilang di mana abang nak cari

( Dipetik drp. Normaizatulakmal, 1997:39 )

Selain itu, ukuran kecantikan wanita juga terletak pada leher yang jinjang dan dada yang bidang.

Cik Aishah kerani gudang  
Satu minggu sekali datang  
Badan kecil leher jinjang  
Sangat rindu kalau tak pandang

( KKMS, 1990:72 )

Kucing putih kucing kak Dayang  
Makan ketupat di atas tilam  
Tubuh putih lehernya jinjang  
Itulah tempat jiwa dok hilang

( KKMS, 1990:349 )

Roboh lantai titian kijang  
Anak rusa makan padi  
Tubuh kecil dadanya bidang  
Tempat abang bersandar mati

( Zainal Abidin Abu Bakar, 1984:292 )

Selain daripada memperkatakan kecantikan tubuh badan, imej diri fizikal juga merangkumi aspek pakaian dan perhiasan diri luaran wanita.

Dalam masyarakat Melayu pakaian ideal wanitanya ialah baju kurung. Ciri-ciri baju kurung seperti longgar dan labuh hingga ke lutut, dapat memelihara diri pemakainya daripada mendapat aib dan memperlihatkan kesopanan wanita. Selain itu, baju kurung juga sesuai dipakai oleh wanita pelbagai peringkat umur dan dalam pelbagai situasi masa dan tempat.

Yang betina lain bajunya  
Pertama disebut baju kurung  
Leher melingkar tulang belut  
Cengkam-cengkaman menjari lipan  
Kalau ditenun tabur bertabur  
Sulam di tangan sulam di bawah  
Sulam menjalin keliling dada  
Labuhnya sampai ke bawah lutut  
Kibar-berkibar ditiuup angin  
Tidak sempit menyampul nangka  
Patut dipakai tua muda  
Tidak terbatas pemakaianya  
Aib tertutup malu tersimpan  
Sesuai adat dengan syarak  
Sesuai ke tengah  
Sepadan ke tepi  
( Tenas Effendy, 1989 : 6 )

Selain daripada baju kurung, pakaian tradisional yang lain ialah baju kebaya, iaitu kebaya panjang dan kebaya pendek. Dalam masyarakat Melayu tradisional, kebaya pendek dipakai oleh wanita yang telah berkahwin. Ini disebabkan potongannya yang pendek dan sendat hanya

sesuai dipakai dalam rumah. Manakala kebaya panjang pula agak longgar dan sesuai dipakai oleh golongan tua dan muda, sesuai dalam pelbagai majlis.

Kedua disebut kebaya panjang  
Gunting bernama gunting sembilan  
Belah terbuka sampai ke bawah  
    Dalam acap-acap betis  
    Dalam tidak mengemakkan  
    Pendek tidak menyesakkan  
    Kalau berenda sebelah muka  
        Berenda pula kaki bajunya  
    Renda keliling lingkar-berlingkar  
    Tabur-bertabur seluruh badan  
        Jalin-jalin sulaman tangan  
        Kalau belah mahu ditutup  
Terpasang konsang sebelah atas  
Konsang bersusun sampai pusat  
Bertali-tali semat menyemat  
    Patut dipakai tua muda  
Tidak terbatas tempat bertandang  
    Elok ke tengah  
    Patut ke tepi  
( Tenas Effendy, 1989 : 7 )

Ketiga bernama kebaya pendek  
Pendek menyapu-nyapu duduk  
Pendek separas-paras tampah  
Belah leher sampai ke bawah

Genting-genting pada pinggangnya  
Kembang mengepak sebelah bawah  
Lengan panjang tidak berkibar  
Tapi sempit tidak berketak  
Dada bertutup lapis dada  
Susun-bersusun konsang butangnya  
Rangkai-berangkai sampai ke pusat  
Patut dipakai dalam rumah  
Pakaian betina sudah berlaki  
Untuk berjalan bertandang-tandang  
Atau ke helat-helat kecil  
Atau ke ladang dan ke sungai

( Tenas Effendy, 1989 : 8 )

Penampilan wanita Melayu dilengkapkan dengan pemakaian tudung atau selendang. Tudung atau selendang berfungsi sebagai penutup kepala sekaligus menutup aurat kaum wanita. Dengan pemakaian tudung, aurat dan maruah diri wanita terpelihara daripada pandangan lelaki bukan muhrim. Selain itu, tudung yang dipakai mempunyai ciri-ciri tertentu, seperti tebal dan labuh hingga ke atas bahu dan melepas dada. Bagi menambahkan keayuan wanita, tudung juga dihiasi dengan pelbagai hiasan, seperti manik serta sulaman yang menggunakan jenis-jenis benang yang berbeza, seperti perak dan sebagainya. Dalam hal ini warna tudung memberi makna tertentu, seperti hitam bagi majlis-majlis kematian, putih bagi majlis-majlis ilmu dan warna yang pelbagai bagi majlis-majlis keramaian.

Selendang penutup kepala  
Selendang penyungkup muka  
Penyungkup aib dengan malu  
Penyungkup adat dengan lembaga

Selendang tipis bayang-bayangan  
Pakaian orang sudah berlaki  
Tapi bolehnya di rumah saja  
Tidak dibawa ke helat jamu  
Tidak dibawa dalam majlis

Kalau selendang berselingkup  
Ujung bersilang di bawah dagu  
Sebelah turun ke dada  
Sebelah jatuh ke belikat

Kalau selendang selingkup mati  
Yang tersingkap sebatas mata  
Pakaian gadis patut-patut  
Yang tahu adat lembaga  
Yang tahu aib dengan malu

Selendang itu banyak ragamnya  
Bersulam bermanik-manik  
Bertenun berbenang emas  
Berterawang awan-awanan  
Berenda berterawang  
Atau selendang biasa saja

Yang hitam tanda berduka  
Yang putih untuk mengaji  
Yang berwarna ke helat jamu  
Tempat bersuka-suka hati  
Tempat berhimpun sesama baya

( Tenas Effendy, 1989 : 11 )

Penampilan fizikal wanita juga dilengkapkan dengan aksesori seperti barang kemas. Dalam masyarakat Melayu dahulu, pemakaian barang kemas, seperti rantai, gelang dan cincin, bukan sekadar sebagai perhiasan semata-mata, sebaliknya mempunyai makna dan lambang sosial. Pemakaian barang-barang kemas melambangkan kedudukan wanita dalam masyarakat sama ada orang biasa, orang berada ataupun golongan raja.

Rantai bersusun selingkar leher  
Selapis pakaian umum  
Dua lapis orang berada  
Tiga lapis orang berbangsa  
Ke atasnya anak raja  
Yang terjuntai sampai ke dada  
Atau berjela sampai ke perut  
Yang ke dada di dalam baju  
Yang ke perut di luar baju

Gelang tangan bersusun-susun  
Susun satu orang biasa  
Susun dua orang berada

Susun tiga yang patut-patut  
Susun lima datuk-datuk  
Yang tujuh susun ke atasnya  
Adalah anak raja-raja

### Imej Dalaman

Dalam budaya orang Melayu, nilai cantik bukan hanya diukur melalui luaran, malahan dalaman ( hati ) dan orang Melayu tidak mudah tertipu dengan kecantikan luaran.

Sayang anggerik bunga di hutan  
Patah tangkai terkulai layu  
Cantik di muka nampak kelihatan  
Buruk di hati siapa tahu  
( KKMS, 1990:373 )

Anak teruna menanam betik  
Buah cempedak dalam raga  
Apalah guna berwajah cantik  
Kalau kurang budi bahasa  
( KKMS, 1990:25 )

Lantaran itu, fizikal yang 'cantik dan menarik' bukanlah satu-satunya nilai yang digunakan untuk menjelaskan kecantikan atau kesempurnaan imej bagi wanita Melayu. Sebaliknya imej diri ideal wanita

dalam masyarakat Melayu lebih dihubungkaitkan dengan aspek ‘budi’ dalam diri seseorang individu atau wanita.

Persoalan budi berkait rapat dengan **conscience**, kesedaran, kata hati, perasaan, rasa hati ( qalbu ), dan berhati perut. Budi ialah satu keseluruhan sifat, sikap, pengucapan, perlakuan dan akhlak yang menjelaskan persoalan dalaman manusia ( Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996 : 7 ). Oleh kerana itulah, orang Melayu mengatakan cantik adalah dari dalam ( rohani ). Orang Melayu melihat manusia itu dalam persoalan dualisme yang beriringan dan bukannya berlawanan. Ini bermakna manusia itu dilengkapi dengan dua unsure, iaitu rohani dan jasmani. Jasmani ( fizikal ) yang cantik seolah-olah kelihatan tidak cantik tanpa rohani yang cantik juga sifatnya.

Budi mengandungi rumpunnya atau gugusan yang bersiratan, iaitu, **akal-budi, hati-budi, budi-bicara, budi-bahasa** dan **budi-pekerji**. Gugusan budi atau rumpun budi ini dibahagikan pula kepada dua yang juga bersiratan antara satu sama lain, iaitu struktur luaran ( *surface structure* ) atau permukaan dan struktur dalaman ( *deep structure* ). Struktur luaran ini merangkumi persoalan lahir atau jasmani yang meliputi **budi-pekerji** dan **budi-bahasa**. Manakala struktur dalaman pula meliputi **akal-budi, hati-budi** dan **budi-bicara**. Lantaran itu, budi dilihat sebagai satu keseluruhan

dalam kewujudan manusia yang sempurna atau manusia budiman ( Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996 : 29-30 ).

Dalam konteks ini, orang Melayu menilai tinggi budi-bahasa. Budi bahasa diasaskan kepada tingkah laku dan juga kepada penggunaan kata-kata yang dipilih ketika hendak berbicara. Dengan perkataan lain, kata-kata yang hendak digunakan perlu dipilih dengan cermat dan berhati-hati. Ini kerana bagi orang Melayu setiap kata mempunyai nilai rasanya yang tersendiri. Ini bermakna kata-kata yang dipilih mempunyai nilai yang khas dan tertentu, ada yang halus serta luhur, ada bahasa yang kasar, kesat dan biadap ( Amat Juhari Moain, 1994:4 ). Lantaran itu, orang yang berbudi bahasa, misalnya, dilihat menggunakan gantinama yang sesuai apabila berbicara dengan sesiapa sahaja. Bahasa yang diucapkan penuh keindahan, bahasa tepat, betul, benar dan baik.

Saya tidak menanam emas  
Tanam kepaya dalam padi  
Saya tidak memandang emas  
Budi bahasa yang saya cari  
( Mohd. Taib Osman, 1975:21 )

dalam kewujudan manusia yang sempurna atau manusia budiman ( Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996 : 29-30 ).

Dalam konteks ini, orang Melayu menilai tinggi budi-bahasa. Budi bahasa diasaskan kepada tingkah laku dan juga kepada penggunaan kata-kata yang dipilih ketika hendak berbicara. Dengan perkataan lain, kata-kata yang hendak digunakan perlu dipilih dengan cermat dan berhati-hati. Ini kerana bagi orang Melayu setiap kata mempunyai nilai rasanya yang tersendiri. Ini bermakna kata-kata yang dipilih mempunyai nilai yang khas dan tertentu, ada yang halus serta luhur, ada bahasa yang kasar, kesat dan biadap ( Amat Juhari Moain, 1994:4 ). Lantaran itu, orang yang berbudi bahasa, misalnya, dilihat menggunakan gantinama yang sesuai apabila berbicara dengan sesiapa sahaja. Bahasa yang diucapkan penuh keindahan, bahasa tepat, betul, benar dan baik.

Saya tidak menanam emas  
Tanam kepaya dalam padi  
Saya tidak memandang emas  
Budi bahasa yang saya cari

( Mohd. Taib Osman, 1975:21 )

Berbelok di Tanjung Beringin  
Kemudi patah dilentar  
Elok orang hati tak ingin  
Budi bahasa hatiku hancur

( Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan,  
1996:35 )

Nanas dijual di pasar niaga  
Ramai orang datang membeli  
Emas perak perhiasan dunia  
Budi bahasa perhiasan diri

( KKMS, 1990:154 )

Pucuk manis pucuk langgudi  
Daun purut digetus rusa  
Yang manis bernama budi  
Yang indah itu bahasa

( KKMS, 1990:183 )

Oleh yang demikian, jelas difahami bahawa sifat wanita secara azalinya dikenali sebagai insan yang lemah lembut, sopan perlakuan, bertolak ansur dan menjelaskan budi yang cantik.

Menurut orang Melayu juga, kecantikan dari dalam ( lahiriah ) iaitu melahirkannya dengan nilai-nilai budi yang tinggi menjadikan orang Melayu cantik pada luarannya.

Tingkap papan kayu bersegi  
Sampan sakat di Pulau Angsa  
Indah tampan kerana budi  
Tinggi bangsa kerana bahasa

( Zainal Abidin Abu Bakar, 1984:79 )

Richmond Wheeler ( 1928 ) dalam kajiannya menyatakan bahawa orang Melayu mempunyai sifat lemah lembut dan ramah berbicara. Beliau turut memberi pandangan bahawa hidup orang Melayu penuh dengan kejujuran, keberanian, kesabaran, punya sifat mengasihani ( kasih sayang ) dan mempunyai kebijaksanaan tersendiri. Pandangan bangsa asing terhadap orang Melayu membuktikan orang Melayu lebih mementingkan kecantikan dalaman daripada luaran. Keindahan budi terpancar melalui perlakuan yang manis dan menyerlahkan kecantikan seseorang yang bernama orang Melayu sebagai seorang 'orang'.

Di sana padi di sini padi  
Itulah nama sawah dan bendang  
Di sana budi di sini budi  
Barulah sempurna bernama orang

( Zainal Abidin Abu Bakar, 1984:76 )

Bagi orang Melayu, cantik paras rupa akan lenyap ditelan masa, tetapi tidak kepada budi yang terletak pada aspek rohani yang dipancarkan dari dalaman diri seseorang individu. Tanpa budi orang Melayu merasakan hidup mereka seolah-olah tidak dihormati, tidak sempurna, kosong dan hambar.

Naik bukit keladi tumbang  
Keras makan buah dedalu  
Paras baik budinya kurang  
Mana tempat orang nak malu

( KKMS:355 )

Buah lada lebat di pangkal  
Gugur daun dengan buahnya  
Sungguh ada ringgit berkapal  
Kalau tak berbudi apa gunanya

( Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan, 1996:40 )

Umumnya, nilai cantik itu mempunyai sifat binari yang saling berlawanan, iaitu cantik lawannya hodoh, baik lawannya buruk. Dalam masyarakat Melayu ukuran hodoh atau buruk itu tidak hanya bergantung kepada sifat fizikal semata-mata. Seseorang yang cacat anggota fizikalnya tidak dianggap hodoh dalam masyarakat. Sebaliknya, mengikut Normaizatulakmal Tujad ( 1997:61-62 ), orang Melayu menggunakan konsep hodoh hanya untuk menerangkan sifat peribadi seseorang. Konsep hodoh atau buruk ditujukan kepada orang yang tidak mempunyai budi yang tinggi, jahat, kasar dan suka menyakiti orang lain. Lantaran itu, menurutnya, konsep hodoh pada fikiran orang Melayu dirujuk kepada tiadanya budi pekerti dan rendahnya nilai-nilai yang baik pada seseorang individu itu. Oleh itu, ukuran cantik itu bersifat relatif, tidak hanya bergantung kepada satu faktor atau ukuran sahaja, sebaliknya melibatkan soal luaran dan dalaman di samping pandangan mata individu itu sendiri.

Anak beruk di kayu rendang  
Meniti turun ke tepi paya  
Hodoh buruk di mata orang  
Cantik manis di mata saya

( KKMS, 1990:12 )

Dari mana hendak ke mana  
Tinggi rumput dari padi  
Cantik tidak setara mana  
Kasih tersangkut di dalam hati

( KKMS, 1990:82 )

### **Imej Diri Wanita Berdasarkan Pandangan Islam**

Islam mementingkan kesempurnaan imej diri dan sentiasa menggalakkan penganutnya agar sentiasa berketerampilan dan segak di kalangan manusia. Hal ini disebutkan dalam hadis Nabi s.a.w yang bermaksud,

Sesungguhnya kamu akan bertemu dengan saudara-saudara kamu, perelokkanlah peralatan kamu, cantikkanlah pakaian kamu sehingga jadilah kamu orang-orang yang berketerampilan dan segak di kalangan manusia, sesungguhnya Allah tidak menyukai perkara yang keji dan menunjuk-nunjuk perkara yang keji.

(Dlm. Muhammad Ali Al-Hashimi, 1998:133)

Lantaran itu, Islam juga menggalakkan golongan wanita agar sentiasa segak, berketerampilan, anggun dan istimewa dalam paras rupa, fizikal dan keadaannya. Ini adalah kerana imej tersebut menggambarkan kehidupannya, suami, rumah tangga dan anak-anaknya.(Muhammad Ali Al-Hashimi,1998:134)

### **Imej Dalaman**

Dalam Islam, konsep imej diri atau keperibadian diri mengandungi aspek luaran dan dalaman. Kedua-dua aspek ini perlu seimbang untuk melahirkan keperibadian yang tinggi. Keseimbangan ini perlu wujud dalam jasad, iaitu aspek fizikalnya, di samping akal dan rohnya daripada aspek rohaniahnya. Ini kerana diri manusia itu terbina daripada jisim, akal dan roh, lalu ketiga-tiga aspek ini perlu seimbang dalam diri individu dan tidak berlebihan daripada satu sudut berbanding dengan yang lain ( Muhammad Ali Al-Hashimi,1998 dan Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990 ). Lantaran itu, dalam melihat kecantikan, faktor dalaman ( roh ) dan luaran ( jasad ) amat dipentingkan oleh Islam.

Kesempurnaan peribadi atau fizikal ini berlandaskan kepada kebersihan, kesederhanaan dan keindahan ( Muhammad Ali Al-Hashimi,1997 ). Dalam konteks ini, kebersihan dan kesederhanaan amat dipentingkan oleh Islam dalam menilai keindahan. Keindahan itu lahir

apabila jasad, akal dan roh sentiasa bersih daripada sebarang kekotoran fizikal atau hati. Sejajar dengan itu, sabda Nabi Muhammad s.a.w, terjemahannya,

Suci itu sebahagian daripada iman  
(Hadis Riwayat Muslim dlm. Al-Nawawi )

Sesungguhnya Allah itu baik, mencintai kebaikan dan kewangian.  
Bahwasanya Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan.  
(Hadis Riwayat al-Bazzar)

Mengikut Muhammad Al Ghazali (1997:312), Islam mementingkan kebersihan dan kesucian dalam lima aspek, iaitu, kebersihan dan kesucian rumah dan sekitarnya, kebersihan dan kesucian badan, kebersihan dan kesucian pakaian, kebersihan dan kesucian makanan dan akhir sekali kebersihan dan kesucian roh dan hati. Kelima-lima aspek ini meliputi keseluruhan kewujudan manusia itu sama ada aspek lahiriah mahupun rohaniahnya.

### **Penampilan Fizikal**

Keterampilan atau penampilan diri wanita daripada aspek fizikal ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu meliputi anggota-anggota fizikal atau jasad di samping pakaian dan juga perhiasan diri atau aksesori yang dipakai oleh golongan wanita.

Salah satu aspek kesempurnaan peribadi adalah melalui penampilan fizikal individu. Oleh yang demikian, Islam amat menitikberatkan penjagaan badan di kalangan umatnya, khususnya golongan wanita. Kejadian manusia oleh Allah lengkap dengan anggota-anggota fizikal, dengan itu setiap individu perlu menjaganya dengan sempurna.

Rambut diibaratkan sebagai mahkota bagi kaum wanita. Lantaran itu, Islam menyuruh supaya setiap individu menjaga rambut, membaiki dan menghiaskannya dengan perhiasan yang dibenarkan oleh Islam. Rasulullah s.a.w. bersabda yang maksudnya,

Sesiapa yang memiliki rambut maka hendaklah dia memuliakannya.  
( Riwayat Abu Dawud, dlm. Muhammad Ali Al-Hashimi, 1998 : 144 )

Memuliakan rambut pada pandangan Islam ialah dengan membersihkannya, menyikat, meminyakkan dan memperelokkan rupa dan bentuknya ( Muhammad Ali Al-Hashimi, 1998:144 ). Dalam mengindahkan rambut, golongan wanita diharuskan mewarnakan rambut mereka dengan menggunakan inai ( Jawiah Dakir, 2000:103 ). Oleh yang demikian, bagi golongan wanita kecantikan rambut adalah di antara unsur terpenting dalam menilai kecantikannya dan mendandannya adalah faktor tarikan yang paling utama.

Selain itu imej diri yang unggul juga terpancar melalui kebersihan serta penjagaan gigi dan mulut yang sempurna. Ini kerana mulut merupakan saluran komunikasi sesama manusia, lantaran itu perhubungan yang berkesan dapat dilaksanakan apabila mulut dan gigi berada dalam keadaan bersih dan berbau harum. Hal ini penting bagi keperibadian wanita. Lebih daripada itu, ia menjadi dasar Islam dan asasnya. Rasulullah s.a.w. menyuruh menjaga kebersihan dalam pelbagai nas dan baginda mengeji bauan yang busuk, menyakitkan dan rupa paras yang kotor dan jijik. Sabdanya yang bermaksud,

Sesiapa yang memakan bawang merah, bawang putih dan daun bawang maka janganlah sekali-kali dia mendekati masjid kami, sesungguhnya malaikat merasa jijik dengan perkara yang dipandang jijik dan busuk oleh anak adam.

( Sahih Muslim, dlm. Muhammad Ali Al-Hashimi, 1998 : 144 )

Pakaian merupakan satu lagi aspek yang amat sinonim dengan imej diri wanita. Islam mementingkan golongan wanita memakai pakaian yang berharga, cantik lagi menarik ( Muhammad Ali Al-Hashimi, 1998 Jilid 2:566 ). Namun begitu galakan ini tidaklah sampai berlebihan dan melampaui batas yang dibenarkan. Islam menggariskan beberapa syarat yang perlu diikuti oleh golongan wanita dalam berpakaian. Antara syarat utamanya ialah pakaian yang menutup aurat, yakni yang menutup seluruh anggota badan kecuali muka dan dua tapak tangan ( Jawiah Dakir, 2000:5 ).

Selain itu, pakaian wanita juga mestilah diperbuat daripada kain yang tebal, longgar dan tidak memperlihatkan bentuk badan dengan jelas. Dan yang lebih penting lagi, pakaian itu tidak menyerupai pakaian lelaki. Daripada aspek warna pula, putih, hitam, hijau,merah dan kuning merupakan warna-warna yang diharuskan kepada golongan wanita ( Jawiah Dakir, 2000 ).

Secara fitrahnya, wanita sukakan keindahan dan kecantikan sesuai dengan naluri semulajadi mereka. Lantaran itu, Allah telah menghalalkan bagi mereka perhiasan-perhiasan diri bagi menonjolkan keistimewaan mereka daripada sudut ini berbanding dengan lelaki. Di antara perhiasan diri yang diharuskan kepada golongan wanita memakainya ialah emas dan juga bahan-bahan kecantikan yang lain, seperti mewarnakan rambut dan juga kuku dengan menggunakan inai, bercelak dan sebagainya ( Jawiah Dakir, 2000 ).

Keharusan memakai perhiasan dipandang sebagai satu rahmat dan nikmat daripada Allah s.w.t. kepada hamba-hamba-Nya. Nikmat dan rahmat ini bertepatan dengan kehendak semulajadi wanita yang suka kepada keindahan dan kecantikan. Namun kehendak dan keinginan ini dibimbing dan dikawal oleh syarak melalui al-Quran dan al-Sunnah. Allah berfirman dalam Surah al-A'raf , ayat 32 yang berbunyi,

Katakanlah (wahai Muhammad) : "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hamba-Nya, dan demikian juga benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakan-Nya."

## Rumusan

Justeru, konsep imej diri unggul wanita dalam masyarakat Melayu berkait rapat dengan konsep kecantikan. Dalam hal ini kecantikan diri dipancarkan melalui penampilan fizikal dan dalaman individu. Selain itu, konsep imej diri unggul juga dipengaruhi oleh Islam, di mana terdapat garis panduan tentang tata cara pakaian dan perhiasan diri yang jelas. Kedua-dua aspek iaitu konsep imej diri wanita Melayu yang dipancarkan dalam pantun dan ungkapan mempunyai pengaruh Islam yang akhirnya membentuk imej diri ideal wanita Melayu. Namun begitu, kajian ini hanya menumpukan kepada imej diri fizikal wanita sahaja.